



**AKU JANJI...Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman (tengah) ketika hadir pada Majlis Ikrar dan Aku Janji Pelajar Baru Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Canselor UMS di sini, kelmarin.**

## Guna peluang masuk universiti untuk kuasai ilmu, kemahiran

UB 10/09/2011 A2

**KOTA KINABALU:** Mahasiswa baru Universiti Malaysia Sabah (UMS) diingatkan agar menggunakan peluang melanjutkan pengajian ke universiti itu sebaiknya bagi menguasai sebanyak mungkin pengetahuan dan kemahiran.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egeh berkata pengetahuan adalah bekalan penting untuk memasuki kehidupan nyata selepas pelajar menamatkan pengajian mereka.

“Apabila selesai pengajian nanti, semua pelajar akan kembali ke dalam masyarakat umum sebagai generasi yang cerdik pandai dan berminda terbuka.

“Justeru, gunakan kesempatan ketika berada di UMS untuk mempersiapkan diri bagi berhadapan masyarakat dengan memperluas horizon pengetahuan melalui interaksi sosial dengan pelajar dari pelbagai latar belakang,” katanya.

Tambahnya, pengalaman

terbabit amat berguna apabila pelajar memasuki dunia pekerjaan kelak.

Berkata demikian pada Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa Baru UMS kelmarin, beliau berkata pelajar akan menjalani proses pembentukan diri ke arah menjadi individu yang mampu berfikir dan berkemahiran profesional dalam bekerja.

“Di UMS, anda mampu mencapai ketinggian ilmu dan standard profesionalisme yang setaraf universiti terkemuka lain di rantau ini kerana universiti ini mempunyai tenaga akademik berkelayakan dan berpengalaman.

“Bagaimanapun, pembacaan dan membuat rujukan tambahan penting untuk memperkaya pengetahuan. UMS mempunyai kemudahan lengkap untuk menyokong proses ini dengan perpustakaan UMS yang mempunyai pelbagai bahan untuk rujukan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menekankan kepentingan penguasaan bahasa Inggeris yang

merupakan salah satu elemen kebijaksanaan berkomunikasi.

“Tanpa mengenepikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, pelajar harus menguasai bahasa Inggeris memandangkan penyertaan di peringkat antarabangsa memerlukan seseorang individu menguasai bahasa dunia ini,” katanya.

Katanya, dalam membentuk graduan berketrampilan sosial pula, UMS telah menyustin buka panduan ‘Etiquette’ yang mengandungi etika ketepatan masa, nilai moral kehidupan, kenegaraan, saling menghargai dan tata susila berbahasa untuk dijadikan garis panduan.

Abdul Hamid menambah, penghayatan pelajar terhadap kandungan dalam buku terbabit bakal memberi kelebihan kepada pelajar sebagai graduan UMS kelak.

Beliau juga menasihatkan pelajar agar menguasai bidang pengajian masing-masing untuk berdikari dan bukannya bergantung kepada peluang pekerjaan sedia ada sahaja.